

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

PACIFIC BIRDIE PLUS GOLFER'S INSURANS

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini memberi pampasan sekiranya berlaku liabiliti undang-undang terhadap orang awam, kelab golf, beg dan peralatan golf, faedah kemalangan diri, barang peribadi, ganti rugi untuk pukulan terus ke lubang, perbelanjaan perubatan untuk kedi, dan pilihan perlindungan insurans untuk keluarga.

2. Apakah perlindungan atau faedah yang diberikan?

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Ganti rugi awam atas tuntutan yang timbul akibat kecederaan pada orang (termasuk kedi) atau kerosakan harta benda pihak ketiga yang disebabkan oleh pihak yang diinsuranskan semasa bermain golf di mana-mana padang golf. Kemalangan diri sekiranya berlaku kematian atau kecederaan kepada pihak yang diinsuranskan berpunca dari kemalangan yang berlaku semasa bermain golf yang berlaku dalam masa dua belas bulan dari kecederaan badan (sila rujuk skala faedah seperti yang dinyatakan dalam dokumen polisi). Kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan atau musibah dimana-mana padang golf yang diiktiraf atau dalam perjalanan ke sana atau ke mana-mana peralatan golf anda (termasuk kelab, beg dan kereta kedi) termasuk kerosakan kelab Kos penggantian membaiki Barang Peribadi yang diinsuranskan (tidak termasuk jam tangan, barang kemas, perhiasan, cermin mata, kamera, set radio mudah alih, wang, sekuriti, setem dan kenderaan bermotor dan aksesori) hilang, rosak atau musnah oleh sebarang kemalangan atau musibah semasa berada di Kelab golf. Pukulan Terus ke lubang ketika bermain di padang golf yang diiktiraf. Perbelanjaan perubatan untuk golf kedi. <p>Perlindungan Pilihan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pasangan suami isteri dan anak-anak di bawah umur 21 tahun. | <p>Sehingga RM750,000</p> <p>RM 350 untuk mana-mana satu kelab golf sehingga had RM5,000 untuk semua kerugian atau kerosakan yang berlaku dalam tempoh insurans.</p> <p>Sehingga had RM5,000</p> <p>RM750 pada hari biasa/RM2,000 semasa pertandingan yang disetujui oleh padang golf
RM500 setiap acara.</p> |
|---|---|

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih.

4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada agen insurans Duti setem	25% daripada Premium Kasar RM10.00
---	---------------------------------------

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keenggan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda perlu memberitahu semua fakta penting seperti pekerjaan anda, perjalanan yang dicadangkan dan tugas anda yang mungkin akan memberi kesan profil risiko dan bilangan polisi kemalangan diri yang anda telah beli dari syarikat insurans lain.

6. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian berikut : risiko perang, risiko nuklear, HIV/AIDS,kecederaan sendiri, bunuh diri, penyakit kelamin, melahirkan anak, keguguran dan kehamilan, mana-mana anggota polis atau tentera, khidmat atau operasi dalam tentera laut atau udara, penerbangan atau sebarang aktiviti pesawat terbang lain, sebarang aktiviti sukan professional, sukan berbahaya, sebarang jenayah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang dan mabuk disebabkan alkohol dan dadah. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada sampel polisi/polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian dibawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis kepada kami dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat semasa tempoh insurans ini. Kami akan mengembalikan sebarang premium bagi tempoh insurans yang belum luput dikira dari kadar jangka pendek lazim The Pacific Insurance Berhad.

8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

9. Bagaimana saya membuat tuntutan?

The Pacific Insurance Berhad mesti diberitahu secara bertulis bersama-sama huraian terperinci dengan segera selepas kejadian yang mungkin menjadi bahan tuntutan di bawah polisi ini.

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut??

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

The Pacific Insurance Berhad
40.01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-26338999 Fax: 03-26338998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629
Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my
Laman Sesawang: www.pacificinsurance.com.my

11. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....
Tandatangan

NOTA PENTING :

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK NOMINI DAN PASTIKAN NOMINI ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN AGEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam risalah pemberitahuan ini sah pada **1 Mac 2024**.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.